


SUSULAN RUGI RM41.7B DALAM TEMPOH 8 TAHUN

# Penunggang motosikal tak lagi selamat

## INFO

Kematian mengikut kategori pengguna jalan raya bagi tempoh 2005 hingga 2014



Jumlah keseluruhan 66,286

\*Sumber : Cawangan Perangkaan Trafik, Bukit Aman



Muhammad Marizwan

Katanya, perkara itu menunjukkan sistem aliran trafik yang bercampur menyebabkan pengguna motosikal terdedah dengan risiko kemalangan dan kematian apabila melanggar dengan kenderaan lain yang lebih besar.

“Kes kemalangan maut penunggang motosikal banyak berlaku kerana pelanggaran sisi iaitu 27.5 peratus berbanding hilang kawalan 21.4 peratus, sekali gus menunjukkan ada faktor lain menjadi punca nahas, antaranya dilanggar kereta, jalan rosak dan masalah pencahayaan,” katanya

Beliau berkata, kecuaiannya pemandu bukanlah punca yang boleh diterima bulat-bulat kerana pengguna motosikal sentiasa berinteraksi dengan kenderaan dan situasi lain di jalan raya.

“Kajian ini juga menunjukkan kemalangan motosikal secara bersendirian banyak terjadi di jalan berlopak dan pecah, menunjukkan jalan raya yang tidak diselenggara dengan baik berkeungkinan tinggi menyebabkan nahas.

“Berdasarkan laporan Jabatan Kerja Raya (JKR), kebanyakan jalan yang mengalami masalah turapan dan pengubahsuaian berlaku di jalan Persekutuan dan negeri. Ini memberi kesan kepada penunggang motosikal,” katanya.

### Tambah laluan sikal

Muhammad Marizwan berkata, pihaknya menyarankan lebih banyak laluan sikal diwujudkan seperti di beberapa laluan di ibu negara, di samping memastikan penyelenggaraan jalan raya yang baik bagi mengurangkan nahas maut membabitkan penunggang motosikal.

# » Kajian MIROS dapati aliran trafik bercampur punca kemalangan maut

BH  
10/8/15  
m/s 11

Oleh Muhammad Mustakim  
Ramli dan Ahmad  
Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

## ► Kuala Lumpur

Nyawa pengguna motosikal di negara ini boleh diibaratkan 'berada di hujung tanduk' apabila kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) mendapati sistem jalan raya tidak lagi selamat bagi mereka.

Ini berikutan sistem aliran trafik bercampur dikenal pasti antara punca kemalangan maut

yang meragut nyawa penunggang dan pembonceng motosikal, kebelakangan ini.

### Kajian terbaru MIROS

Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kejuruteraan Keselamatan Jalan Raya dan Alam Sekitar, MIROS, Dr Muhammad Marizwan Abdul Manan, berkata kajian terbaru institusi itu menunjukkan kebanyakan pengguna motosikal maut apabila terbabit nahas dengan dua atau lebih kenderaan.



Ikuti BH Plus  
di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video

masukan penunggang, katanya ketika dihubungi BH. Dalam kajian itu, 14 peratus hingga 19 peratus kemalangan motosikal yang menyebabkan kematian membabitkan dua atau lebih kenderaan, dua kali lebih tinggi berbanding nahas maut secara bersendirian, iaitu hanya lima hingga enam peratus serta nahas membabitkan dua kenderaan iaitu dua hingga tiga peratus.

Kajian itu turut menjelaskan kemalangan membabitkan penunggang motosikal adalah lebih tinggi pada Sabtu, Ahad, Isnin dan Selasa iaitu pada kadar 60 peratus, antara jam 4 petang hingga jam 10 malam.

“Mungkin ada kekangan peruntukan untuk dilaksanakan di jalan Persekutuan dan negeri. Jadi, cadangan lain ialah menjadikan bahu jalan khas bagi laluan motosikal seperti dilaksanakan di beberapa negeri. Namun, semua pengguna jalan raya perlu dipastikan mematuhi,” katanya.

Untuk komen,  
hantar e-mel menerusi  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)  
atau di laman Facebook  
BH Online



Aktivis keselamatan jalan raya mengecat tanda bahaya di jalan tidak elok bagi membantu penunggang motosikal supaya lebih berhati-hati.

Kajian terbaharu MIROS menunjukkan kebanyakan pengguna motosikal maut apabila **terbabit nahas dengan dua atau lebih kenderaan.** [FOTO HIASAN]